

Beberapa Aturan Adat .

Luak Jemrol

Beberapa Aturan Adat

Luak Jempol

Adat Kenduri Kendara

Ada dua tiga macam kenduri atau berelat yang terlingkung dalam adat iaitu nikah kahwin, sunat rasul, tindek daing termasuklah mangkas jambul beserta berandui dan juga kenduri yang tiada terlingkung oleh adat. Bak kata orang tua-tua tengok tumbuh atas tentang, adat atas muafakat, muafakat atas buatan, syaratnya tengok tumbuhnya pulangan orang semenda. Kalau paras paku rebong saja tidak payah mendirikan adat walaupun termasuk dalam lingkungan yang tiada perkara diatas tadi. Ini bernama kenduri orang semenda menjemput tempat semenda. Jikalau pulangan orang semenda seekor kambing atau dua disuruh mendirikan adat ini bernama kenduri anakbuah menjemput buapak. Adat yang dikatakan itu ialah pakaian rumah iaitu tabir lingkong, tabir langit, tikar berompok diujung dipangkal peminang, bertudung, beralas, jamba bertudung, beralas tiga pasang diujung pangkal dalam. Bermakna jamba dengan peming itu dikira sepasang.

Jikalau pulangan orang semenda seekor lembu atau kerbau. ini bernama kenduri buapak menjemput lembaga beserta undang. Jikalau sudi menjemput adat, menjemput undang kena bawa tepak sirih, boko dan seorang soko untuk menjemput enciknya iaitu isterinya Undang. Menjemput lembaga atau buapak dengan epok saja. Seorang waris dan seorang soko menjemput Undang tadi ialah buapak sendiri. Dirumah menanti besar pesaka bila tersila Undang, Lembaga dipangkal, Undang duduk diujung dengan orang alim, besar pesaka duduk ditengah, merentah luar dalam buapak berkenaan duduk dibawah mengatitkan bila nak mengidang. Besar pesaka menjunjung sembah dulu pada Undang sesudah makan sekali lagi menjunjung sembah nak menurunkan jamba barulah selesai adat. Ada kenduri sara namanya mendirikan adat boleh tak boleh mendirikan-punya pun jadi tumbuhnya. Jikalau orang semenda memulangkan seekor kerbau atau kambing untuk dibuat akikah atau korban katanya disambikan menikah anak atau sunat rasul bermakna adat itu menumpang pangkalnya bersabit dengan syarak bermakna membela adat boleh iaitu pakaian rumah sahaja. Itupun tak digalakkan. Yang dikatakan mendirikan adat menjemput buapak dan lembaga dengan epok. Penghulu Luak dengan tepak mengajaknya dengan nama peribadi sahaja tidak payah membawa epok atau tepak. Pada Undang hal ini banyak yang keliru kata setengah orang asalkan menyembelih kambing atau kerbau terpaksa mendirikan adat. Ini tidak benar selalu terjadi dalam masyarakat adat perpatih.